

04 MAR 2004

Pilihan raya-Mahathir

DR MAHATHIR YAKIN BN MENANG BESAR KERANA TIADA LAGI ISU BENCI BELIAU

SHAH ALAM, 4 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) akan mencapai kejayaan besar pada pilihan raya ke-11 kerana pembangkang tidak lagi dapat mengeksploitasi isu "membenci beliau".

Katanya pihak tertentu tidak harus menjadikan alasan kebencian itu sebagai sebab untuk tidak menyokong Barisan Nasional kerana beliau tidak lagi berada dalam pucuk pimpinan kerajaan dan parti.

Tambahan lagi, katanya, pihak yang membencinya dahulu kini telah rujuk semula kepada Umno dan itu merupakan perkembangan yang baik.

"Jadi saya pilih masa untuk berhenti, masa yang cukup baiklah," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang The Royal Mint of Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau dibenci oleh pihak tertentu kerana "tidak ada manusia yang disukai oleh semua orang".

"Saya manusia biasa dan saya percaya ramai juga yang tidak sukakan saya.

"Itu biasalah, saya terima. Saya tidak dapat memuaskan hati semua orang," katanya.

Dr Mahathir berpendapat pilihan raya kali ini berlangsung pada masa yang sesuai memandangkan suasana ekonomi adalah baik dan rakyat berpuas hati dengan kepimpinan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah mengambil alih jawatan perdana menteri pada 31 Okt tahun lepas setelah Dr Mahathir berundur selepas 22 tahun mentadbir negara.

Dr Mahathir berkata, beliau akan membantu kempen pilihan raya di Kedah dan juga bersedia berkempen di tempat lain sekiranya dijemput.

"Jika dikehendaki di mana-mana saya pergi. Saya tidak akan pergi sendiri, tidak mahu dikatakan menceroboh tempat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau percaya PAS akan terus menggunakan isu "syurga" untuk meraih sokongan pada pilihan raya nanti.

Beliau berkata individu tidak semestinya ke syurga kerana menyokong parti tertentu dan mengundi individu tertentu.

"Takkanlah seorang yang membunuh, mencuri tetapi bila pilihan raya dia undi PAS, dia masuk syurga," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan wakil-wakil rakyat bahawa mereka tidak akan kekal dengan kedudukan itu seumur hidup sebaliknya perlu memberi peluang kepada orang lain.

"Menutup peluang orang lain akan menyebabkan ramai yang kecewa dan boleh mengurangkan sokongan terhadap parti," katanya.

-- BERNAMA
LES MAI